

Persoalan ini telah dijawab oleh:

مَرْكَزُ الْأَزْهَارِ الْعَالَمِيِّ لِلْفَتْوَى الْإِلِكْتْرُونِيَّةِ

Dalam tajuk:

هَلْ لَمَسُ الزَّوْجَةِ يَنْقُضُ الْوُضُوءَ؟

Adakah menyentuh isteri batal wudhu?

Kata al-Azhar ini adalah masalah khilaf yang berpanjangan di kalangan ulama'.

Semuanya berpunca dari perbezaan terhadap tafsiran ayat:

أَوْ لَامَسْتُمُ النِّسَاءَ

“ Jika menyentuh wanita (maka batal wuduk). ”

(Surah al-Nisa' 43)

Kata Al-Azhar lagi:

فَذَهَبَ الْإِمَامُ أَبُو حَنِيفَةَ إِلَى أَنَّ اللَّمَسَ هُنَا بِمَعْنَى الْجِمَاعِ

“ Imam Abu Hanifah berpendapat bahawa makna sentuh di sini membawa erti jimak. ”

(Surah al-Nisa' 43)

Mereka berhujah dengan satu hadis Nabi dari Aishah:

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ قَبَّلَ بَعْضَ نِسَائِهِ ثُمَّ خَرَجَ إِلَى الصَّلَاةِ وَلَمْ يَتَوَضَّأْ

“ Bahawa Rasulullah mencium sebahagian isterinya kemudian baginda keluar solat tanpa berwudhuk. ”

Riwayat Ahmad - 24584

Isnad Sahih menurut Syu'aib

al-Arna'uth




ABU HANIFAH berpendapat tidak membatalkan wudhu' sekadar bersentuh secara biasa.

PENDAPAT IMAM SYAFIE

Imam Syafie pula berpendapat maksud (اللمس) yakni menyentuh adalah sentuhan secara langsung. Maka menyentuh isteri membatalkan wudhu' sama ada bersentuh dengan shahwat atau pun tidak.

Dalil mereka adalah ayat (أَوْ لَامَسْتُمُ النِّسَاءَ) ayat ini secara zahir menunjukkan sentuh wanita membatalkan wudhu'.



IMAM MALIK DAN IMAM AHMAD BIN HAMBAL

Manakala Imam Malik dan Imam Ahmad bin Hambal mereka menyatakan jika sentuh dengan syahwat batal wudhu' dan tanpa syahwat tidak batal wudhu'.

Hujah mereka adalah Hadis Aishah:

“**Aku biasa tidur di hadapan Rasulullah ﷺ, sedangkan kedua kakiku berada di arah kiblat baginda.**”

فَإِذَا سَجَدَ غَمَزَنِي فَقَبَضْتُ رِجْلِيَّ

“ Apabila baginda sujud maka dia meraba (dengan ujung jarinya) akan kakiku lalu aku menarik kedua kakiku. ”

“**Apabila baginda berdiri, aku menjulurkan kedua kakiku kembali.**”

Aishah berkata lagi:

وَالْبُيُوتُ يَوْمَئِذٍ لَيْسَ فِيهَا مَصَابِيحُ

“ Ketika itu rumah tersebut tidak ada lampu. ”



Oleh itu, al-Azhar memilih pendapat bahawa suami yang menyentuh isterinya dengan syahwat batal wudhu'.

أَمَّا مُجَرَّدُ اللَّمَسِ بِغَيْرِ شَهْوَةٍ وَلَا تَلَدُّ فَلَا يَنْقُضُ الْوُضُوءَ

“ Adapun semata-mata sentuhan tanpa syahwat tidak membatalkan wudhu'. ”

KESIMPULAN

Kita berpegang dengan pendapat mazhab al-Syafi'i yakni, bersentuhan antara suami dan isteri membatalkan wuduk. Namun **dalam keadaan mendesak kadang kita boleh memakai pendapat tidak batal wudhu'** kerana keperluan. Ini seperti apabila berlaku kesukaran bagi suami isteri, untuk berwuduk semula setelah bersentuh. **Selagi mana sentuhan yang berlaku tidak bertujuan syahwat.**

SUMBER

www.azhar.eg هل لمس الزوجة ينقض الوضوء

AL-KAFI #1118 ADAKAH BATAL WUDUK SEKIRANYA SUAMI BERSENTUHAN DENGAN ISTERI

www.ustazpro.com

This document was prepared by and is the property of USTAZ PRO; neither it nor any part nor a copy thereof is to be published or disclosed without first securing the express written approval from USTAZ PRO.